

20 JAN 2001

Peniagawati-Wanita

KEMENTERIAN BARU DIHARAP TINGKATKAN PENGLIBATAN WANITA DALAM PERNIAGAAN

KUALA LUMPUR, 20 Jan (Bernama) -- Penubuhan Kementerian Hal Ehwal Wanita diharap dapat meningkatkan penglibatan wanita dalam sektor perniagaan dan bidang profesional yang lain, kata Setiausaha Kehormat Persatuan Wanita Bumiputra dalam Perniagaan dan Profesyen (Peniagawati) Malaysia Liza Khan, hari ini.

Beliau berkata kementerian baru itu boleh dilihat sebagai pemangkin bagi memastikan lebih ramai wanita memegang jawatan tertinggi sama ada dalam sektor awam atau swasta.

"Peniagawati mahu melihat lebih ramai wanita di negara ini memegang jawatan sebagai anggota lembaga pengarah di syarikat-syarikat besar yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL).

"Jumlah wanita yang menyandang jawatan itu pada masa ini adalah sangat kecil," katanya kepada pemberita selepas Majlis Silaturahmi Aidilfitri persatuan itu, di sini.

Liza berkata persatuan itu berharap jumlah wanita yang memegang jawatan dalam syarikat-syarikat besar dapat ditingkatkan kepada 10 hingga 15 peratus.

Beliau mengulas pengumuman mengenai penubuhan Kementerian Hal Ehwal Wanita, yang diterajui Datuk Shahrizat Jalil yang dijangka mengangkat sumpah sebagai menteri pada 30 Jan ini.

Shahrizat adalah antara dua menteri, dua timbalan menteri dan seorang setiausaha parlimen baru yang dilantik oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad minggu lepas.

Brig-Jen Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin dilantik sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Senator Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor sebagai Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Senator Datuk M.Kayveas sebagai Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Senator Zainuddin Maidin sebagai Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan.

Liza berkata kementerian baru itu juga diharap dapat menangani segala halangan berbentuk peraturan, amalan atau prosedur yang menyebabkan usahawan wanita terlepas peluang perniagaan.

Majlis silaturahmi Peniagawati itu berkonsepkan majlis ilmu dengan disertai ceramah Dr Fatma El-Zaharaa serta mengutip sumbangan bagi Tabung Anak Angkat Ibu Tunggal Peniagawati.

Seramai 75 anak angkat Peniagawati, yang dipilih berdasarkan kecemerlangan akademik mereka, dari Selangor, Kedah dan Kelantan juga menjadi tetamu majlis itu, yang turut mengutip RM50,000. Turut hadir ialah Presiden Peniagawati Malaysia Pua Sri Asidah Minin.

Liza berkata Peniagawati berharap program anak angkat Peniagawati itu akan diperluaskan lagi ke seluruh negara secara berperingkat-peringkat.

-- BERNAMA

NHD NHD NAK